

## **Mata Pelajaran Sirah Rasul di Sekolah Rendah Islam (Sri) Ikram Musleh: Satu Tinjauan Keberkesanannya di Negeri Sembilan**

Nidzamuddin Zakaria, Amran Abdul Halim, Syed Najihuddin Syed Hassan, Abdulloh Salaeh.

Fakulti Pengajian Quran Sunnah USIM

### **Abstrak**

*Nabi Muhammad S.A.W merupakan contoh tauladan yang terbaik bagi umat Islam. Oleh itu, sebagai seorang muslim mestilah mengetahui tentang kisah hidup Nabi Muhammad S.A.W untuk dijadikan ikutan dan teladan. Di Malaysia, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjadikan mata pelajaran Sirah sebagai mata pelajaran wajib bagi sukatan pembelajaran pelajar bermula dari sekolah rendah. Hasil dari ketetapan yang telah ditetapkan oleh kementerian, para pelajar dapat mempelajari tentang sirah Nabi Muhammad S.A.W sejak dibangku sekolah lagi. Kajian ini dilakukan mensasarkan beberapa objektif utama; iaitu analisa minat murid terhadap mata pelajaran Sirah Rasul dan meninjau tahap pengetahuan tentang nasab keturunan dan Ahli Bait Nabi Muhammad S.A.W serta mengukur tahap keberkesanan Sirah Rasul melalui penghayatan murid-murid mengaplikasikan apa yang dipelajari mereka dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen dan edaran borang soal selidik di samping menemubual sejumlah tertentu responden bagi mendapatkan data. Sesi temubual dijalankan terhadap beberapa orang responden yang terdiri daripada beberapa orang pegawai Pendidikan IKRAM Musleh dan sebilangan guru mata pelajaran Sirah SRI IKRAM Musleh. Hasil kajian ini mendapati bahawa 60% daripada guru-guru mata pelajaran Sirah Rasul mendapat respon yang baik murid-murid mereka terhadap mata pelajaran Sirah Rasul bahkan 40% guru-guru berbaki mendapati murid-murid mereka amat berminat dengan mata pelajaran tersebut. Dalam aspek pengetahuan tentang keluarga Rasulullah S.A.W pula, sebanyak 88% daripada mereka mengenali isteri-isteri Nabi dan 83% daripada mereka mengenali anak-anak Baginda S.A.W. Namun begitu, hanya 55.8% daripada memberikan jawapan betul mengenai Nasab*

Nabi S.A.W. Kajian ini juga mendapati kebanggaan murid-murid selaku Umat Nabi Muhammad S.A.W diwakili sejumlah 96.6% manakala 93.6% daripada mereka gembira dengan peristiwa sambutan Maulidur Rasul. Kajian ini juga mendapati sejumlah 75.9% murid-murid berjaya menghayati Sirah Rasul dalam kehidupan mereka dan 91.7% daripada mereka berjaya memberi respon yang baik terhadap soalan tentang akhlak Nabi S.A.W. Ini menunjukkan kesan amat positif kurikulum Mata Pelajaran Sirah Rasul terhadap murid-murid SRI di negeri Sembilan. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa kurikulum mata pelajaran tersebut, tidak terlepas daripada kekurangan dan kesalahan-kesalahan tertentu melibatkan buku teks dari tahun satu sehinggalah tahun enam. Walaubagaimanapun, kajian ini membuktikan bahawa mata pelajaran Sirah sewajarnya diteruskan di SRI Negeri Sembilan dan kurikulumnya pula harus dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi menjamin objektif-objektif IKRAM Musleh dapat tercapai dengan cemerlang pada masa akan datang.

Kata kunci: Nabi Muhammad S.A.W, IKRAM Musleh, Sirah Rasul

## PENDAHULUAN

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Tidak dapat dinafikan lagi, Nabi Muhammad S.A.W merupakan contoh atau *role model* yang kekal sepanjang zaman. Ibn Kathir dalam kitab tafsirnya menjelaskan bahawa ayat 21 ini merupakan dalil yang paling besar dan menggalakkan kepada kita agar meneladani Rasulullah S.A.W dalam semua ucapan, perbuatan dan akhlak budi

pekertinya Kerana itulah Allah S.W.T memerintahkan kepada kaum mukmin agar mencontohi sikap Nabi S.A.W (Ibn Kathir, 1999M/1420H). Berdasarkan ayat di atas dapat disimpulkan bahawa digalakkan bagi umat Islam untuk mempelajari dan memahami kehidupan Baginda S.A.W atau lebih dikenali dengan mempelajari *al-sirah al-Nabawiyah* sebagai panduan hidup sendiri, keluarga, masyarakat dan negara dari segi rohani dan jasmani.


### **Takrif Sirah Dari Segi Bahasa**

Sirah dari segi bahasa bermaksud “طريقة” iaitu jalan, Sunnah dan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan manusia. Dari segi istilah *Sirah al-Nabawiyah* bermaksud “طريقة” iaitu jalan yang merangkumi kronologi atau peristiwa atau peperangan-peperangan. Perkataan jamak bagi Sirah ialah “سير” atau “سيار”. Apabila disebut “سيرة فلان”, bermaksud “تاريخ حياته” iaitu sejarah hidupnya (Mustofa, 467). Terdapat perkataan lain yang sama maksud seperti Sirah iaitu *al-Maghazi*. Ahli-ahli fiqh lebih cenderung menggunakan perkataan Sirah berbanding dengan perkataan *al-Maghazi*.

### **Takrif Sirah Rasul Dari Segi Istilah**

Takrif Sirah Rasul dari sudut istilah ialah riwayat hidup Nabi Muhammad S.A.W secara ma'thur, iaitu kisah-kisah riwayat hidup Nabi Muhammad S.A.W yang dikhabarkan secara ma'thur melalui lidah para sahabat r.a, dan bukan menerusi ijtihad, pandangan atau andaian seseorang. Penelitian terhadap kitab-kitab sirah yang terdahulu dan terkini menceritakan sejarah hidup Rasulullah S.A.W bukan bermula ketika Baginda S.A.W mendapat wahyu bahkan sebelum Nabi Muhammad S.A.W lahir. Terdapat beberapa kitab sirah yang menceritakan bermula dengan nasab keturunan Baginda S.A.W bermula daripada Nabi Ismail dan seterusnya sehingga sampai kepada Nabi Muhammad S.A.W (Ahmad Saifuddin, 2012).

Dalam kitab *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah* ( al-Butiy, 2010) telah menghuraikan bahawa terdapat tiga perbincangan *Sirah al-Nabawiyyah*.



Kisah hidup Nabi Muhammad S.A.W tidak perlu diragui kesahihannya kerana kisah hidup baginda telah tercatat di dalam al-Quran dan Hadith yang menjadi bukti dan rujukan jika terdapat sebarang percanggahan dalam penceritaan kisah hidup baginda.

### Ciri-Ciri Sirah Rasul

Periwayatan Sirah Rasul memiliki keunikan yang tersendiri berbanding dengan riwayat hidup para nabi yang lain. Hal ini kerana dalam meriwayatkan hidup Baginda S.A.W, para ulama' telah menggunakan dua sumber utama, iaitu al-Quran dan Hadith. Terdapat beberapa ciri-ciri yang unik dalam Sirah Rasul iaitu:

<b>Kesahan</b>	Maklumat yang digunakan untuk menghuraikan kisah riwayat hidup Nabi Muhammmad S.A.W adalah berdasarkan sumber yang paling tepat dan thabit serta metod ilmiah yang benar.
----------------	---

<b>Kejelasan</b>	Sirah Rasul memiliki sifat yang jelas dan jauh daripada kesamaran tentang riwayat hidup nabi Muhammad S.A.W bermula dengan kelahiran Baginda S.A.W hingga Baginda wafat.
<b>Kemanusiaan</b>	Sirah Rasul sangat terselah dengan ciri-ciri kemanusiaan berbanding dengan sikap pengikut-pengikut agama yang lain. Mereka telah menggambarkan nabi-nabi atau rasul-rasul mereka dengan bersifat ketuhanan. Agama Islam menjelaskan bahawa Nabi Muhammad S.A.W merupakan seorang manusia yang dicipta dan dimuliakan oleh Allah S.W.T dengan meletakkan Baginda sebagai Rasul.
<b>Kesyumulan</b>	Kesyumulan dalam Sirah Rasul memberi impak yang besar dan berkesan kepada orang Muslim. Hal ini demikian kerana, Nabi Muhammad S.A.W merupakan seorang pemimpin yang perlu diikuti dan dicontohi oleh semua lapisan masyarakat dari aspek kepimpinan Baginda S.A.W dalam berpolitik, pemimpin dalam keluarga, pergaulan Baginda S.A.W bersama sahabatnya dan sebagainya. Natijahnya, riwayat hidup Rasulullah S.A.W bersifat menyeluruh bagi semua aspek-aspek kemanusiaan dalam masyarakat (As-Suba'I, 1985M/1405H).
<b>Kebenaran</b>	Ciri Sirah Rasul adalah bersifat benar dan ini membuktikan kepada manusia kebenaran risalah dan kenabian yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W sepanjang 23 tahun. Sepanjang tempoh tersebut, Nabi Muhammad S.A.W berhasil mengubah persekitaran dan pandangan dunia daripada aspek jahiliah.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen dan menemubual beberapa orang responden untuk mendapatkan data. Sesi temubual dijalankan terhadap beberapa orang responden yang terdiri daripada beberapa orang pegawai Pendidikan IKRAM Musleh Berhad, guru mata pelajaran Sirah di sekolah-sekolah terbabit dan murid-murid SRI IKRAM Musleh (Berhad, 2018).

### **Dapatan Kajian**


Sejumlah 120 borang soal selidik disediakan untuk murid-murid di SRI al-Amin, Bandar Putra Nilai (60 borang) dan SRI as-Sai'diyyah, Seremban (60 Borang) manakala 10 borang lagi disediakan untuk guru-guru yang berkenaan melibatkan 2 buah sekolah yang terbabit. Justeru, dapatan daripada kajian ini adalah sebagaimana yang diterangkan di bawah.

### **Tahap Respon Murid Terhadap Mata Pelajaran Sirah**

Berdasarkan rajah 1 di bawah ini, penyelidik-penyelidik telah mendapati bahawa kebanyakan guru-guru Sirah Rasul atau 60% daripada mereka telah mendapat respon yang baik daripada murid-murid yang mengikuti mata pelajaran Sirah Rasul. Terdapat sebahagian kecil atau 40% daripada para responden yang berhadapan respon yang amat baik daripada murid-murid terbabit.

Ini menunjukkan bahawa kelas mata pelajaran Sirah Rasul mendapat respon yang memberangsangkan daripada murid-murid di SRI-SRI di Negeri Sembilan sekaligus meningkatkan keberkesanan P&P mata pelajaran tersebut.

**Rajah 1: Tahap Respon Murid Dalam Kelas Sirah Rasul**



AK: Amat Kurang    K: Kurang    S: Sederhana    B: Baik    AB: Amat baik


### **Analisa Minat Terhadap Pelajaran Sirah Rasul**

Rajah 2 di bawah menunjukkan sebahagian besar atau 85.8% daripada murid-murid berminat dengan mata pelajaran Sirah Rasul di mana 50.8% daripada mereka adalah amat berminat dan 35% daripada mereka berminat dengan mata pelajaran itu. Namun

begitu, terdapat sebahagian kecil daripada mereka di mana 11.7% yang sederhana minat dan 2.5% kurang berminat terhadap Sirah Rasul.

Oleh yang demikian, para pengkaji merumuskan bahawa minat murid-murid di SRIAS dan SRIAAN adalah baik terhadap mata pelajaran Sirah Rasul biarpun terdapat sebilangan kecil daripada mereka yang kurang berminat terhadapnya.

**Rajah 2: Tahap Minat Murid Terhadap Pelajaran Sirah Rasul**




AK: Amat Kurang K: Kurang S: Sederhana B: Baik AB: Amat Baik

### **Pengetahuan Tentang Keluarga Dan Nasab Keturunan Nabi**

**Rajah 3: Pengetahuan Tentang Keluarga dan Nasab Keturunan Nabi**

S.A.W




Berdasarkan rajah 3 di atas, para penyelidik mendapati bahawa sebahagian besar daripada murid-murid atau 55.8% daripada mereka mempunyai pengetahuan yang baik tentang nasab Nabi Muhammad S.A.W setelah mengikuti mata pelajaran Sirah Rasul. Manakala sebahagian yang lain sebanyak 44.2% daripada mereka mempunyai pengetahuan yang sederhana mengenai nasab Nabi Muhammad S.A.W.

Ini menunjukkan bahawa mata pelajaran Sirah Rasul secara keseluruhannya telah memberikan nilai-nilai ilmu yang asas mengenai nasab atau keturunan Nabi Muhammad S.A.W, biarpun sebahagian kecil mereka mempunyai tahap pengetahuan yang kurang mengenainya. Buku teks Sirah Rasul juga perlu lebih menitikberatkan kepada pendedahan nasab atau keturunan Nabi Muhammad S.A.W agar pengetahuan, kecintaan dan kasih yang mendalam dapat diterapkan di kalangan murid-murid terbabit walaupun sebahagian besar daripada mereka mempunyai pengetahuan yang baik.

### **Keberkesanan Pembelajaran Sirah Rasul Dan Aplikasi Dalam Kehidupan**

Berdasarkan dari kajian ini, penyelidik juga memasukkan beberapa soalan kepada murid bagi mengetahui tahap keberkesanan pembelajaran sirah dan cara murid mengaplikasikan nilai-nilai murni tersebut dalam kehidupan seharian.

**Rajah 4: Keberkesanan Pembelajaran Sirah Dan Mengaplikasi Dalam Kehidupan Murid**



Berdasarkan rajah 4 ini, para penyelidik mendapati bahawa seramai 96.6% daripada murid-murid berasa amat bangga menjadi Muslim namun begitu, terdapat sebahagian kecil daripada mereka atau 3.3% yang sederhana bangga menjadi Muslim.

Manakala 93.4% daripada murid-murid berasa gembira apabila menjelang Maulidur Rasul. Hanya sebilangan kecil daripada mereka yang mempunyai perasaan kegembiraan yang sederhana ketika sambutan tersebut.

Selain itu, para penyelidik mendapati bahawa sebahagian besar atau 75.9% daripada murid-murid telah menghayati sunnah Nabi Muhammad S.A.W dalam kehidupan mereka dalam aspek adab-adab makan, menuntut ilmu dan sebagainya. Namun begitu, terdapat sebahagian kecil daripada mereka yang agak bersikap sederhana dalam menghayati sunnah Nabi.

Penyelidik-penyelidik berhasrat untuk menilai tahap sebenar pengetahuan murid-murid mengenai keluarga sifat-sifat mazmumah sebagaimana yang telah dinyatakan dalam analisa sebelum ini. Maka satu soalan mengenai sifat-sifat mazmumah disoal bagi menilai tahap sebenar pengetahuan mereka mengenai perkara tersebut. Para penyelidik telah mendapati bahawa 91.7% daripada para responden telah menjawab dengan baik manakala selebihnya memberi respon sederhana.

## **Penutup**

Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa hasil dari pembelajaran Sirah telah dapat memberikan kesan yang positif dalam kehidupan seharian majoriti murid-murid SRI IKRAM MUSLEH Negeri Sembilan. Para pendidik dan keluarga perlulah sentiasa berganding bahu dalam mendidik anak-anak mencontohi sikap Rasulullah S.A.W.

## **RUJUKAN**

Al-Quran Al-Karim.

Abdurrahman An-Nahlawi. 1995. *Pendidikan Islam di Rumah, Sekolah dan Masyarakat*. Jakarta: Gema Insani Press.

Ahmad Saifuddin Bin Yusof. 2012. *Metodologi Penerimaan Riwayat Sejarah Antara al-Bukhari Dan Ibn Ishaq: Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Akram Diya Al Umari. 1994. *“Role of Booty in the Economy During the Prophet’s Time”*. Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics, Vol. 6.

Al-Abrasyi. 1969. *Al-Tarbiyyat al-Islamiyyat wa Faasifatuha*. Mesir: Isa al-Baby al-Halby wa Syurakah.

As-Suba’ii, Mustofa bin Hasani. 1985M/1405H. *al-Sirah al-Nabawiyah – Durus Wa ‘Ibar*. Al-Maktab Al-Islami.

As-Suyuti, Jalaluddin Abdul Rahman bin Abi Bakar. *Tafsir al-Jalalain*. Kaherah: Darul al-Hadith.

Dr. Ahmad Marimba. 1989. *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: Al-Ma’arif.

Dr. Mustafa as-Syibaie. 2004. *“Sirah Nabi Muhammad S.A.W. Pengajaran & Pedoman”*. Pustaka Salam.

Dr. Said Ramadhan Al-Buthy. 2010. *“Fikih Sirah”*. Hikmah.

Ghazali Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Hassan Basri Awang Mat Dahan, Zawawi Ismail & Muhammad Azhar Zailani. 2005. *Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Perspektif Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Hassan Langgulung. 1991. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hj Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Kathir, Abi al-Fida’ Isma’il bin Umar. 1999M/1420H. *Tafsir al-Qur’an al-„Azim*, Vol 6. Dar Toyyibah.

Ibn Qyyim al-Jawziyyah. t. t. *Miftah Dar al-Sa’adah wa Manshur Wilayah Ahl al-Ilmi wa al-Iradah*. Jil. 1. Riyad: Idarah Buhuth wa Ifta’ wa al-Irshad.

Ibrahim Mustofa et al. *Al-Mu''jam al-Wasit*. Darul al-Da'wah. Vol 1.

IKRAM Musleh Berhad. 20 December 2018. *Falsafah Pendidikan IKRAM Musleh*.  
<http://www.musleh.edu.my/index.php/profail/falsafah-pendidikan-musleh>.

IKRAM Musleh Berhad. 20 December 2018. *Moto IKRAM Musleh*.  
<http://www.musleh.edu.my/index.php/profail/moto>.

IKRAM Musleh Berhad. 20 December 2018. *Sejarah Penubuhan IKRAM Musleh*.  
<http://www.musleh.edu.my/index.php/profail/daripejabatpengerusi>.

IKRAM Musleh Berhad. 20 Disember 2018. *Sekolah Rangkaian IKRAM Musleh*.  
<http://www.musleh.edu.my/index.php/rangkaian>

Maria Ulfah. 2011. *"Implementasi Konsep Ta'dib dalam Pendidikan Islam untuk Mewujudkan Siswa yang Berkarakter"*. Jurnal Ilmiah Didaktika. Vol. 12. Ogos.

Mohd. Rumaizuddin Ghazali. 2009. *10 Tokoh Sarjana Islam Paling Berpengaruh*. PTS Islamika.

Muhammad Fadhil al-Jamaly. t.t. *Tarbiyyah al-Insan al-Jadid. Al-Syarikat al-Tunisiyyah*.

Munardji. 2004. *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: PT Bina Ilmu.

Munir Muhammad al-Ghudbhan. 1992M/1413H. *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah*. Jami'ah ummul al-Qura.

Nidzamuddin Zakaria et al. 2007. *Pelajaran Sirah Rasul Di Sekolah Rendah Agama (SRA): Kajian Teroka Terhadap Sukatan Dan Keberkesanannya Di Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Nur Uhbiyati. 1999. *Ilmu Pendidikan Islam*. pr1. Bandung: Pustaka Setia.

Panel Penulis IKRAM Musleh. 2017. *Buku Teks Sirah IKRAM Musleh Tahun 1*. Al-Ameen Serve Holdings Sdn.Bhd.

Panel Penulis IKRAM Musleh. 2017. *Buku Teks Sirah IKRAM Musleh Tahun 2*. Al-Ameen Serve Holdings Sdn.Bhd.

Panel Penulis IKRAM Musleh. 2017. *Buku Teks Sirah IKRAM Musleh Tahun 3*. Al-Ameen Serve Holdings Sdn.Bhd.

Panel Penulis IKRAM Musleh. 2017. *Buku Teks Sirah IKRAM Musleh Tahun 4*. Al-Ameen Serve Holdings Sdn.Bhd.

Panel Penulis IKRAM Musleh. 2017. *Buku Teks Sirah IKRAM Musleh Tahun 5*. Al-Ameen Serve Holdings Sdn.Bhd.

Panel Penulis IKRAM Musleh. 2017. *Buku Teks Sirah IKRAM Musleh Tahun 6*. Al-Ameen Serve Holdings Sdn.Bhd.

Pertubuhan IKRAM Malaysia. 10 Januari 2019. Institusi IKRAM. <http://www.ikram.org.my/berita-2/pengenalan.html>

Prof. Dr. H. Abuddin Nata, MA. 2016. *Ilmu Pendidikan Islam*. Indonesia: Prenada Media.

Prof. Dr. Zaid bin Abdul Karim az-Zaid. 2016. *Fiqh as-Sirah*. Dar at-Tadmuriyyah.

Pusat Pendidikan as-Sa'idiyyah. 10 Januari 2019. *Pengenalan PPASB*. <http://www.ppasb.edu.my/index.php/2014-12-07-16-04-31/pengenalan-ppasb>

Sek Ren SRI al-Amin Nilai. 10 Januari 2019. Sejarah SRIAAN. <http://sriaabn.blogspot.com/p/sejarah-sriaan.html>

Temubual bersama Puan Rohida binti Jamaluddin. Setiausaha, IKRAM Musleh Berhad Education in 27 Disember 2018.

Temubual bersama Ustaz Ahmad Rifaei bin Norrizar. Guru Sirah (SRI) as-Sai'idiyyah on 23 December 2018.

Temubual bersama Ustaz Megat Mohamed Amin Megat Mohamed Nor. Pengarah Eksekutif, IKRAM Musleh Berhad Education in 9 January 2019.

Temubual bersama Ustazah Azizah Othman. Guru Sirah SRI as-Sa'idiyyah, Negeri Sembilan on 23 December 2018.

W. Yahya W. Ahmad. **“Sirah Nabi Dari Sudut Sejarah”**. Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya.

Yahya Mahmud Salman. 2003. **السِّيَرَةُ النَّبَوِيَّةُ**. إصدار مركز البيان.